

**SOALAN NO. : 71**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Dr. Hj Abd. Latif bin Haji Ahmad  
[ Mersing ]**

**TARIKH : 10 MAC 2015**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [ Mersing ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Perlindungan Alam Sekitar bagi tujuan mengawal selia alam sekitar daripada terjejas dan tercemar disebabkan oleh projek pembangunan dan penebangan hutan yang tidak terkawal sehingga berlakunya banjir besar.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar belum berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Perlindungan Alam Sekitar bagi tujuan mengawal selia alam sekitar daripada terjejas dan tercemar disebabkan oleh projek pembangunan dan penebangan hutan. Ini adalah kerana perundangan dan peraturan yang sedia ada iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan 37 peraturan dibawahnya mencukupi dan berupaya mengawal selia alam sekitar daripada terjejas dan tercemar. Selain itu, *Environment Quality Council* (EQC) telah pun ditubuhkan untuk menasihati Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar berkaitan isu-isu pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DR. AZMAN BIN ISMAIL**  
**[KUALA KEDAH]**  
**TARIKH** : **10 MAC 2015 [SELASA]**  
**SOALAN** : **72**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa buah satelit Malaysia yang telah dilancarkan dan berapa kos yang terlibat semuanya. Berapa satelit yang masih lagi beroperasi dan tujuan apa.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang di-Pertua,**

Setakat ini, Kerajaan telah melancarkan dua (2) buah satelit untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D), iaitu satelit TiungSAT-1 pada 26 September 2000 dan satelit RazakSAT<sup>®</sup> pada 14 Julai 2009. Misi satelit TiungSAT-1 ialah untuk pencerapan bumi dan ujikaji saintifik *Cosmic-Ray Energy Disposition Experiment* (CEDEX) dengan kos keseluruhan sebanyak RM41 juta.

Satelit RazakSAT<sup>®</sup> adalah projek sambungan mikrosatelit TiungSAT-1 yang merangkumi aspek mereka bentuk, membina, menguji, melancar dan

mengoperasi satelit di orbit. Satelit ini telah berjaya dilancarkan ke Orbit Hampir Khatulistiwa (*Near Equatorial Orbit – NEqO*). Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang melancarkan satelit ke orbit ini.

Sebagai sebuah satelit R&D, RazakSAT<sup>®</sup> telah berjaya mencerap sebanyak 1,328 imej optikal permukaan bumi. Imej-imej ini telah digunakan dalam pelbagai aplikasi *remote sensing*. Kos keseluruhan satelit RazakSAT<sup>®</sup> adalah sebanyak RM141.78 juta.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kedua-dua satelit ini mempunyai jangka hayat selama tiga tahun dan telah tidak beroperasi lagi.

Sekian, terima kasih.